

HARI : SABTU  
TARIKH : 15/2/2020  
M/SURAT : 8

## Tingkatkan pengeluaran penutup hidung dan mulut

**KULIM** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) meminta pengeluar topeng muka tempatan meningkatkan pengeluaran produk itu terutama jenis tiga lapisan dalam usaha memenuhi permintaan orang ramai pada masa kini.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, pihaknya telah

menemui lima pemain industri terbesar yang mengeluarkan produk tersebut susulan terdapat aduan kekurangan bekalan di pasaran berbanding permintaan tinggi akibat wabak koronavirus (Covid-19).

"Setelah mendengar pandangan pemain industri, kementerian telah meminta pengeluar meningkatkan pengeluaran mereka," katanya pada sidang media

selepas perasmian pembukaan cawangan pertama kedai serbaneka 99 Speed Mart di Serdang di sini semalam.

Bagi tujuan itu, katanya, pihaknya telah meminta Kementerian Sumber Manusia meluluskan permohonan tambahan syif operasi bekerja 24 jam supaya kilang itu dapat meningkatkan pengeluaran produk tersebut. - Bernama